

BAB KEENAM

PENUTUP

Suatu hakikat yang perlu disedari, apabila membincangkan sesuatu ketetapan hukum Syarak di dalam konteks perundangan negara, ternyata terdapat banyak pertentangan dan dasar-dasar yang menyimpang dari perspektif Islam. Ia bertitik tolak daripada sistem pemerintahan negara yang masih di tahap tidak meletakkan al-Quran dan al-Hadith sebagai sumber perundangan utama.

Walaupun organisasi pentadbiran Islam ditubuhkan di setiap negeri, tetapi bidang kuasanya terhad dan dibataskan oleh Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi dan utama di Malaysia. Ini disebut di dalam Perkara 75, Perlembagaan Persekutuan, iaitu:

'Jika mana-mana undang-undang negeri berlawanan dengan undang-undang Persekutuan, maka undang-undang Persekutuan itulah yang dipakai dan undang-undang negeri itu hendaklah terbatal setakat man ianya berlawanan dengan undang-undang Persekutuan'.

Dalam konteks pengurusan zakat di negeri Pahang, adalah tidak adil untuk mengharapkan kejayaan sehingga menyamai kecemerlangan pengurusan zakat di zaman Rasulullah (s.^ca.w) atau para sahabat.

Faktor-faktor tempatan dan semasa yang membentuk budaya dan persekitaran banyak mempengaruhi kejayaan dan keberkesanan pengurusan zakat di negeri ini.

6.1 ULASAN DAN KRITIKAN

Daripada data-data kutipan, agihan dan pengurusan zakat di negeri Pahang, didapati skop dan operasinya jauh ketinggalan berbanding Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang ditubuhkan sebagai agensi pusat. LHDN yang beroperasi mengikut akta yang digubalkan di Parlimen ternyata jauh ke hadapan berbanding Majlis yang berteraskan enakmen yang digubal di peringkat Dewan Undangan Negeri.

Di lihat dari sudut kemantapan, organisasi pentadbiran Islam jauh ketinggalan berbanding agensi lain. Unit Zakat / BaitulMal misalnya menghadapi kekurangan pegawai, kakitangan dan kepakaran yang begitu ketara. Diskriminasi perjawatan ini menjadi antara punca kepincangan pentadbiran zakat di negeri ini.

6.1.1 SISTEM KUTIPAN

Kejayaan meningkatkan kutipan zakat harta menjadi RM 10,663,558 pada tahun 2000 berbanding RM 5,432,013 pada tahun 1996 merupakan kredit kejayaan PKZP dan Majlis yang boleh dibanggakan. Di sebalik kejayaan ini, sebenarnya masih terdapat banyak ruang jika dipertingkatkan usaha dan perancangan mampu menambahkan kutipan zakat.

Fungsi, peranan dan operasi PKZP hendaklah dipertingkatkan. Aspek keperluan tenaga manusia, kewangan, kepakaran dan logistik yang menjadi asas operasi PKZP perlu ditambah. Dengan ini banyak usaha dapat dijalankan untuk menambah kutipan zakat dari masa ke semasa.

Mengikut rekod, kutipan zakat gaji dan pendapatan profesional meningkat sehingga 285 peratus pada tahun 2000 dengan kutipan berjumlah RM 3,023,340.00 berbanding tahun 1996. Sehingga 31 Disember 2000 seramai 5,885 kakitangan awam dan swasta di negeri ini membuat potongan gaji untuk menunaikan zakat berjumlah kira-kira RM 2.1 juta.

Skim Potongan Zakat (SPZ) anjuran PKZP mendapat sambutan yang memberangsangkan. Sayangnya operasi skim ini masih terhad berbanding skim

Potongan Cukai Berjadual (PCB) kendalian LHDN. Oleh itu PKZP atau Majlis perlu merancang lebih serius perlaksanaan SPZ misalnya mewajibkan semua kakitangan Islam menghantar Penyata Gaji Tahunan (EC) untuk penaksiran zakat. Operasi sebegini memerlukan peruntukan perundangan yang jelas sebagaimana Akta Cukai Pendapatan 1967 yang melindungi operasi LHDN.

Dalam pada itu, kaedah-kaedah perlaksanaan zakat gaji hendaklah diperjelaskan terutama mengenai potongan-potongan yang dibenarkan dan kaedah pengiraan.

Mengenai zakat perniagaan, Majlis sewajarnya berjaya meyakinkan kerajaan negeri supaya mengarahkan semua anak syarikatnya yang diswastakan supaya membayar zakat kepada PKZP. Sebahagian daripada Ahli Majlis merupakan mereka yang berpengaruh dalam kabinet kerajaan, oleh itu Majlis seharusnya tidak bermasalah untuk memperolehi zakat dari sumber ini.

PKZP sepatutnya menyimpan data dan rekod pemilikan harta orang Islam untuk membuat taksiran zakat. Sehingga kini PKZP sukar untuk memperolehi data-data berkenaan. Oleh itu kaedah dan prosedur untuk memperolehi data dan maklumat penting ini perlu dipermudahkan sepetimana kemudahan yang dinikmati oleh LHDN.

Dari aspek promosi dan kempen penerangan, masih banyak ruang boleh dipertingkatkan. Misalnya melalui slot-slot penayangan di televisyen dan kemudahan di semua agensi awam dan swasta. Kempen-kempen bersepadau dengan LHDN, mungkin boleh diusahakan.

Jika semua ini dapat dilaksanakan, pastinya kutipan zakat dapat dipertingkatkan. Bagaimanapun perlaksanaan semua syor ini memerlukan pemberian dari aspek-aspek guna tenaga, kepakaran dan kewangan yang menuntut komitmen dari semua pihak.

6.1.2 SISTEM AGIHAN

Terdapat dua persoalan di dalam sistem agihan zakat di negeri Pahang iaitu anggaran peruntukan dan perlaksanaan agihan.

Berdasarkan data dan rekod agihan tahunan wujud ketidakselarasan antara kedua-dua perkara itu. Misalnya pada tahun 1998 kira-kira 76.79 peratus peruntukan zakat yang diagihkan manakala pada tahun 1999, 69.0 peratus.

Peratusan ini berdasarkan anggaran peruntukan, jika diukur dengan kutipan sebenar agihan zakat pada tahun 1998 ialah 70.97 peratus dan tahun 1999 ialah 67.55 peratus sahaja.

Ternyata wujud kepincangan dan kelemahan di dalam sistem agihan samada melibatkan perancangan atau perlaksanaan. Pada tahun 1998, sejumlah RM 230,988.00 iaitu 92.4 peratus daripada peruntukan berjumlah RM 250,000.00 dibelanjakan untuk fakir dan RM 520,580.00 (39.7 peratus) untuk golongan miskin. Manakala pada tahun 1999, RM 85,300.00 (37.1 peratus) kepada fakir dan RM 209,280.00 (18.8 peratus) untuk golongan miskin.

Fakir dan miskin merupakan dua asnaf utama yang menjadi asas pensyariatan zakat. Agihan kepada fakir miskin bertujuan mengeluarkan mereka daripada belenggu kemiskinan dan kemelaratan samada dalam tempoh setahun atau sepanjang hayat seperitimana yang disimpulkan daripada perbahasan ulama.

Di Pahang, kadar yang dibelanjakan kepada fakir miskin untuk tempoh dua tahun berkenaan sangat kecil jika dinisbahkan dengan kutipan zakat yang melebihi RM 9 juta. Jika kedua-dua asnaf ini diberikan kadar satu perlapan, pada tahun 1998, setiap asnaf memperolehi RM 1,227,272.60 manakala pada tahun 1999 sebanyak RM 1,168,987.70.

Data agihan zakat bagi dua tahun tersebut menunjukkan pada tahun 1998, asnaf fakir hanya menerima 19 peratus sahaja daripada kadar satu perlapan manakala golongan miskin diberikan 42.4 peratus. Pada tahun 1999, fakir mendapat 17.3 peratus manakala 17.9 peratus kepada golongan miskin.

Agihan ini tidak menepati kehendak Syarak. Yusuf al-Qaradawi di dalam *Fiqh al-Zakah* mencatatkan polisi Khalifah ‘Umar bin al-Khaṭṭāb ketika mengagihkan zakat kepada fakir miskin bertujuan untuk membebaskan mereka daripada belenggu kemiskinan. Dengan kata lain, untuk menyambung perjuangan hidupnya di masa akan datang tanpa mengharapkan bantuan.

Menurut al-Nawawi di dalam *al-Majmū‘ Syarh al-Muhadhdhab*, habuan yang diberikan kepada fakir miskin adalah suatu peruntukan yang boleh mengeluarkan mereka daripada mengharapkan bantuan daripada orang-orang kaya serta boleh menampung keperluan hidup yang berkekalan.

Malahan Imam Malik dan Abū Hanifah menurut ulasan Muhammad Ali al-Sāis di dalam *Tafsīr Āyat al-Ahkām* mengharuskan pengagihan zakat kepada satu golongan sahaja iaitu fakir miskin di dalam keadaan tertentu.

Oleh itu, pengagihan zakat kepada fakir miskin seperti mana yang diamalkan di negeri ini boleh dipertikaikan kerana tidak banyak memberikan kesan pemulihan kepada golongan terbabit. Walaupun peruntukan kepada asnaf miskin pada tahun 1998 dan 1999 besar, iaitu RM 1,310,000.00 dan RM 1,115,000.00 tetapi jumlah yang dibelanjakan sangat kecil.

Kegagalan membelanjakan peruntukan kepada golongan miskin menunjukkan tiada perancangan yang teliti dibuat. Menurut catatan, perbelanjaan kepada fakir miskin adalah dalam bentuk bantuan bulanan, hariraya, kemalangan, kematian, bencana dan bantuan kemudahan asas.

Kebanyakannya bersifat bantuan segera, tiada bantuan jangka panjang yang lebih berkesan. Ia mungkin menjadi punca peruntukan ini tidak dapat dibelanjakan secara lebih meluas.

Ketika membahaskan bentuk-bentuk bantuan kepada fakir miskin, al-Syirazi di dalam *al-Muhadhdhab* menjelaskan bahawa ia hendaklah boleh menampung kehidupan mereka untuk menyempurnakan hajat dan tujuan hidup seperti peralatan kerja, modal dan barang-barang dagangan.

Berdasarkan penjelasan ini, penulis berpendapat, Majlis hendaklah merancang dengan teliti bentuk-bentuk bantuan kepada fakir miskin seperti program-program jangka panjang, sumbangan modal dan pendedahan kemahiran yang diperlukan oleh mereka yang bertenaga dan memiliki kemahiran. Manakala bagi kalangan yang telah berumur dan uzur, bantuan saraan hidup lebih diperlukan.

Majlis dalam hal ini, mungkin boleh bekerjasama atau menumpang pengalaman Kementerian Pembangunan Luar Bandar melalui agensi-agensinya dalam melaksanakan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), Tabung Ekonomi Keusahawanan (TEKUN), Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan seumpamanya.

Dalam dunia yang begitu mencabar, kemahiran dan kepakaran merupakan aset penting untuk bersaing. Adalah lebih baik, bantuan berbentuk penyediaan kemahiran dan kepakaran di dalam pelbagai bidang dipergiatkan. Begitu juga bantuan modal permulaan. Kejayaan kalangan mereka yang dibekalkan dengan ilmu dan kemahiran ini akan menjadi peransang kepada orang lain.

Pandangan ini berdasarkan rumusan pendapat para ulama yang sangat prihatin dan mengambil berat soal pembelaan kebijakan golongan fakir miskin.

Oleh itu, Majlis hendaklah mempunyai pasukan kerja yang mantap dan tersusun supaya agihan kepada fakir miskin dapat dijalankan dengan lebih efisyen berdasarkan perancangan yang teratur.

Dalam keadaan nasib fakir miskin masih tidak terbela, amalan agihan zakat di negeri ini memperlihatkan berlaku lebihan wang yang tidak dibelanjakan pada setiap tahun. Jumlahnya jauh lebih besar berbanding agihan kepada fakir miskin. Misalnya pada tahun 1998 sahaja sebanyak RM 2,850,051.10 telah tidak dibelanjakan, ia meningkat menjadi RM 3,034,775.30 pada tahun 1999. Ertinya kira-kira 29.03 peratus kutipan zakat tidak dibelanjakan pada tahun 1998 dan 32.45 peratus pada tahun 1999.

Keadaan ini bercanggah dengan prinsip Islam kerana berlaku pengabaian terhadap hak fakir miskin. Pembelaan terhadap fakir miskin mesti diutamakan malahan tidak timbul langsung persoalan lebihan wang dalam keadaan sebegini. Jikapun lebihan wang ini dilaburkan dalam ertikata untuk menambahkan dana zakat, ia mungkin tidak selaras dengan Syarak yang menuntut perbelanjaan disempurnakan pada tahun kutipan.

Setiap asraf hendaklah mendapat pembelaan mengikut prioriti dan keperluan. Semua kutipan zakat mesti diagihkan sepenuhnya, kecuali dalam keadaan tiada lagi asraf yang layak. Sepertimana sejarah yang dicatatkan di zaman pemerintahan Khalifah ^cUmar bin ^cAbd al-^cAziz. Dalam situasi seperti ini, barulah lebihan zakat boleh dilaburkan ke dalam pelbagai sektor untuk kemaslahatan dan kebaikan umat Islam seluruhnya.

Asraf yang paling banyak mendapat agihan zakat di Pahang ialah *Fi Sabīlillāh*, iaitu melebihi 60 peratus daripada anggaran peruntukan tahunan. Pada tahun 1998, peruntukan kepada asraf ini ialah 61.55 peratus berjumlah RM 5,585,200.00 tahun 1999 RM 5,530,000.00 (61.10 peratus) dan RM 5,780,000.00 (64.23 peratus) pada tahun 2000.

Daripada peruntukan itu, RM 4,649,155.10, iaitu kira-kira 83.2 peratus diagihkan pada tahun 1998 dan RM 4,368,605.00 (79 peratus) dibelanjakan pada tahun berikutnya.

Peruntukan yang sangat besar melebihi jumlah peruntukan kepada tujuh asraf lain ini seolah-olah menggambarkan bahawa *Fi Sabīlillāh* merupakan asraf yang paling utama. Sedangkan ayat 60 Surah *al-Tawbah* yang menjelaskan mengenai asraf-asraf zakat meletakkan *Fi Sabīlillāh* di tempat yang ketujuh

mengikut susunan yang dimulai dengan fakir miskin. Menjadi kelaziman *uslub* al-Quran mendahului sesuatu yang lebih utama.

;

Peruntukan kepada *Fi Sabīlillāh* adalah terlalu umum dan hampir keseluruhannya menjurus soal pendidikan. Ekoran daripada agihan dan kegunaan yang meluas ini menyebabkan peruntukan yang terlalu banyak dan melebihi kadar satu perlapan.

Sedangkan menurut ulama, bahagian *Fi Sabīlillāh* lebih menekankan tujuan jihad untuk menghadapi musuh. Dalam konteks negara hari ini yang tidak lagi menghadapi musuh secara fizikal, aspek pemuliharan pemikiran daripada pelbagai bentuk fikrah sekular adalah terangkum di dalam pengertian jihad. Oleh itu, program-program untuk membina semula keyakinan terhadap semua aspek Islam perlu diberikan keutamaan. Sehubungan itu juga, peruntukan untuk menyekat kebanjiran pengaruh pemikiran sekular perlu dilakukan.

Mengikut statistik perbelanjaan tahun 1998, sebahagian besar diagihkan untuk sumbangan, elauan dan bantuan manakala sebahagian lainnya untuk urusan penyelenggaraan. Tidak banyak program berbentuk seminar atau kursus-kursus penghayatan Islam yang lebih hampir dengan makna jihad dilaksanakan.

Aliran perbelanjaan tertumpu kepada bentuk-bentuk agihan mudah. Iaitu sekadar mendapatkan angka dan *figure* tertentu, kemudian diberikan bantuan atau sumbangan. Sepanjang tahun 1998, hanya RM 52,220.15 dibelanjakan untuk kursus keagamaan.

Sepatutnya agihan kepada asnaf *Fi Sabillah* diteliti dan dikaji dengan lebih mendalam agar dibelanjakan untuk program-program yang lebih hampir dengan makna jihad sepetimana yang dirumuskan oleh para ulama.

Peruntukan kepada muallaf pula lebih besar daripada asnaf fakir, misalnya pada tahun 1998 berjumlah RM 435,500.00 dan RM 390,500.00 pada tahun 1999. Sebanyak RM 225,675.18 (51.8 peratus) dibelanjakan pada tahun 1998 dan RM 178,484 (45.8 peratus) pada tahun 1999.

Dari aspek perancangan, jumlah peruntukan yang besar kepada muallaf berbanding golongan fakir boleh dipertikaikan. Apakah ianya menggambarkan bilangan muallaf yang perlu dibantu lebih ramai daripada asnaf fakir? Wajarkah memberikan keutamaan kepada muallaf walaupun ramai golongan fakir yang masih tidak terbelia.

Berdasarkan butiran perbelanjaan kepada muallaf, kira-kira separuh sahaja peruntukan yang dibelanjakan iaitu 51.8 peratus pada tahun 1998 dan 45.8 peratus pada tahun 1999. Ini menunjukkan perancangan yang kurang cermat dan tidak teliti.

Bentuk-bentuk bantuan juga perlu diperkemaskan. Kajian dan perancangan hendaklah dilakukan agar bantuan jangka panjang dapat dilaksanakan di samping bantuan-bantuan berbentuk keraian yang sedia ada. Pentafsiran tentang muallaf perlu diperluaskan merangkumi golongan yang berpengaruh dan ternama bagi menjinakkan kenalan dan rakan mereka kepada Islam. Mungkin juga untuk mengurangkan tekanan terhadap Islam dari kalangan mereka yang menentang Islam.

Agihan kepada Ibnu Sabil ditumpukan untuk membiayai tambang pelajar-pelajar ke luar negeri. Perbelanjaan sebegini adalah relevan dengan pentakrifan musafir. Pada tahun 1998, sebanyak RM 114,458.19 daripada RM 230,000.00 iaitu 49.8 peratus telah dibelanjakan untuk *Ibnu Sabil*. Manakala pada tahun 1999, perbelanjaannya melebihi peruntukan sebanyak RM 76,470.00 menjadikan jumlah RM 306,470.00. Peratusan perbelanjaan ialah 133.2 peratus.

Sepanjang tempoh dua tahun (1998-1999), tidak sedikitpun peruntukan kepada *Riqāb* dan *Għarimīn* dan dibelanjakan. *Riqāb* diperuntukkan sebanyak RM 30,000.00 setahun manakala RM 100,000.00 kepada *Għarimīn*.

Sepatutnya, pengertian *Riqāb* untuk membebaskan masyarakat daripada cengkaman kejahilan dan belenggu kemaksiatan perlu diperluaskan. Masih terdapat wanita-wanita Islam yang bekerja di tempat-tempat maksiat dan pusat-pusat hiburan. Golongan sebegini perlu dibantu untuk membebaskan mereka daripada kongkongan kemaksiatan. Begitu juga muda-mudi yang leka dengan hiburan dan kekhayalan.

Begitu juga bagi *Għarimīn*, masih terdapat orang Islam yang terpaksa berhutang untuk mendapatkan keperluan asas seperti makanan, pendidikan dan perubatan. Begitu juga mereka yang berhutang untuk kepentingan umum seperti membuka dan mengusahakan sekolah-sekolah pengajian Islam (Sekolah Agama Rakyat). Golongan seperti ini wajar dibantu untuk melepaskan mereka daripada belenggu hutang.

Oleh itu, tanpa sebarang perbelanjaan kepada kedua-dua asnaf ini, keberkesanan pengurusan zakat di negeri ini dipertikaikan.

Amil merupakan satu-satunya asnaf yang mendapat peruntukan satu perlapan sepenuhnya. Setiap tahun bahagian untuk amil dihabiskan, sebahagian besarnya untuk PKZP yang mengutip zakat harta manakala selebihnya untuk amil-amil yang ditauliahkan oleh Majlis untuk mengutip fitrah.

Pada tahun 1998, RM 1,227,271.60 diagihkan kepada amil iaitu RM 907,246.75 kepada PKZP dan RM 320,025.87 kepada amil fitrah. Pada tahun 1999 pula daripada RM 1,168,987.75 agihan kepada amil, RM 875,633.75 kepada PKZP dan RM 311,354.00 kepada amil fitrah.

6.2 BEBERAPA CADANGAN DAN SARANAN TERHADAP SISTEM PENGURUSAN ZAKAT DI NEGERI PAHANG

Pengurusan zakat di negeri Pahang menghadapi beberapa kekurangan dan kelemahan sehingga menjelaskan fungsi dan peranannya sebagai institusi jaminan sosial umat Islam.

Kelemahan dan kekurangan ini jika dibiarkan akan menyelewengkan peranan institusi zakat untuk mengimbangi jurang kehidupan antara golongan kaya dan miskin. Oleh itu, langkah-langkah sewajarnya perlu diambil untuk mengembalikan kedudukan zakat yang sebenar.

Banyak ruang dan aspek yang boleh diperbaiki dan diperkemaskan di dalam pengurusan zakat di negeri ini jika semua pihak sanggup memberikan komitmen dan kerjasama. Di dalam usaha membaiki dan membetulkan keadaan, semua pihak mesti bersikap terbuka terhadap setiap teguran dan saranan kerana antara ruang yang paling luas di dunia ini, ialah ruang untuk pembaikan.

Untuk itu, penulis ingin mengemukakan beberapa cadangan dan saranan untuk pertimbangan pihak-pihak yang berkenaan. Syor-syor ini berdasarkan tiga aspek pengurusan zakat iaitu kutipan, agihan dan pengawasan.

6.2.1 SISTEM KUTIPAN

a) Memperlengkap Dan Mengemaskinikan Sistem Kutipan Zakat

Organisasi dan fungsi PKZP sebagai institusi pengutip zakat harta di negeri ini hendaklah dipertingkat dan dikembangkan di semua daerah, mempunyai pegawai dan kakitangan terlatih yang mahir di dalam bidang pengurusan kewangan dan penggunaan teknologi terkini. Mereka hendaklah bertindak secara proaktif, inovatif, berkesan dan mampu menjadi daya penarik kepada masyarakat. Oleh itu, PKZP hendaklah sentiasa:

- i) Menyediakan senarai lengkap pengeluar zakat harta dari pelbagai sumber. Senarai lengkap yang mempunyai butiran peribadi, perolehan dan simpanan harta itu juga melibatkan pengeluar-pengeluar baru dan mereka yang sudah luput.
- ii) Menyediakan butir-butir akaun terkini bagi setiap pembayar zakat khususnya berkaitan soal pentaksiran. Di samping itu semua urusan kebajikan pembayar zakat diselesaikan seperti akuan-akuan kepada LHDN (cukai).
- iii) Penghantaran borang-borang taksiran kepada para pengeluar zakat yang telah dikenalpasti hendaklah dipergiat dan diperluaskan. Pejabat-pejabat PKZP di semua daerah hendaklah memantau urusan ini dan melaporkan kepada ibupejabat di Kuantan. Jika perlu notis awal dan pengingatan dikeluarkan sebelum atau selepas penghantaran borang. Mereka yang enggan dan engkar hendaklah dibawa ke muka pengadilan.
- iv) Program berzakat melalui potongan gaji bulanan perlu diperluaskan kerana ia terbukti sangat berkesan. Oleh itu, PKZP perlu mempunyai peruntukan undang-undang yang membolehkan

semua pegawai dan kakitangan yang beragama Islam menyerahkan penyata pendapatan tahunan (EC) untuk tujuan pentaksiran zakat.

Mereka yang engkar boleh dikenakan tindakan di mana majikan boleh bertindak memotong gaji mereka untuk dijelaskan bayaran zakat. Mereka juga dilepaskan daripada tanggungan cukai pendapatan. Dengan cara ini, zakat dari sumber gaji dan pendapatan profesional dapat dikutip dengan berkesan dan konsisten.

Bagi amil-amil fitrah pula, mereka hendaklah sentiasa dilatih dan diberikan pendedahan tentang pengurusan kewangan Islam. Oleh itu, pemilihan amil-amil hendaklah di kalangan mereka yang berpotensi, berakhlaq mulia dan mempunyai kredibiliti di dalam masyarakat. Amil-amil sepatutnya tidak lagi menunggu kedatangan pembayar zakat, sebaliknya mencari dan mendatangi mereka.

b) Memperluaskan Sumber-Sumber Zakat

Konsep perluasan sumber-sumber zakat memang telah dipraktikkan di negeri Pahang selaras dengan peruntukan Seksyen 2 (1) Enakmen 1991. Setakat

ini, PKZP telah mengutip zakat daripada sumber-sumber pendapatan, perniagaan, saham, harta, wang simpanan, emas, ternakan, tanaman dan qadha'.

:

Cuma daripada beberapa aspek, penerangan dan kefahaman tentang harta-harta yang dikenakan zakat perlu dipertingkatkan. Misalnya, zakat ternakan tidak terhad kepada kambing, lembu dan kerbau sahaja. Semua jenis perusahaan ternakan yang berpotensi tinggi dan memberikan pulangan yang lumayan hendaklah dikenakan zakat iaitu zakat ke atas hasil ternakan.

Oleh itu, pengusaha-pengusaha kolam ikan, penternak ayam, puyuh dan ternakan tenusu hendaklah membayar zakat apabila mencapai nisab. Begitu juga hasil-hasil tanaman, pertanian dan perusahaan perabot termasuk kategori hasil pertanian. Justeru itu, peneroka di tanah-tanah rancangan yang begitu ramai di negeri Pahang merupakan antara pengeluar zakat yang berpotensi.

Antara masalah yang dihadapi oleh PKZP ialah mendapatkan zakat perniagaan termasuk daripada anak-anak syarikat milik kerajaan yang diswastakan. Kebanyakan syarikat perniagaan masih ‘belum bersedia’ untuk membayar zakat kerana tidak mendapat jaminan pelepasan cukai pendapatan. Inilah halangan yang tidak mampu dilepasi oleh PKZP untuk mengutip zakat perniagaan.

Oleh itu halangan ini perlu diatasi dengan menggubal atau meminda mana-mana peraturan termasuk arahan kepada anak-anak syarikat kerajaan yang diswastakan supaya membayar zakat kepada Majlis. Jika persoalan ini diatasi dan konsep perluasan sumber zakat difahami sepenuhnya, hasil kutipan zakat mampu ditingkatkan.

c) Mewujudkan Unit Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

Bertujuan mengenalpasti ruang-ruang yang boleh dimasukki dan diterokai oleh PKZP untuk memaksimakan kutipan zakat. Kajian juga melibatkan kekesanan kempen-kempen penerangan dan promosi zakat.

Unit ini juga diharapkan dapat merancang kursus-kursus pembangunan dan peningkatan mutu kerja di kalangan pegawai dan kakitangan yang terlibat. Dengan pendedahan berterusan yang terancang akan lahirlah kalangan pegawai dan kakitangan yang inovatif, kreatif dan peramah.

Dari satu aspek unit ini diharapkan dapat mengkaji dan mengenalpasti mana-mana peruntukan undang-undang yang menghalang pengembangan fungsi institusi zakat. Seterusnya mencadangkan apa-apa peruntukan undang-undang, pindaian, tambahan atau pengurangan yang diperlukan.

6.2.2 SISTEM AGIHAN

a) Memperbesar dan Memperlengkapkan Organisasi Unit Zakat/ Baitulmal

Urusan pengagihan zakat di negeri Pahang dijalankan sepenuhnya oleh Majlis. Untuk meningkatkan agihan zakat, struktur organisasi Unit Zakat/ Baitulmal hendaklah diubah dan diperbesarkan. Ia lebih sesuai dinamakan Bahagian Zakat/ Baitulmal yang mempunyai unit-unit tersendiri.

Unit Pentadbiran/ Perancangan dan Unit Kewangan hendaklah ditempatkan di bawah Bahagian Zakat bagi melicinkan fungsi-fungsi pengagihan. Oleh itu, pegawai, kakitangan dan kepakaran profesional di Bahagian Zakat perlu ditambah.

b) Menyerahkan Sebahagian Tugas Agihan Zakat Kepada PKZP.

Sekiranya cadangan memperbesarkan Unit Zakat/ Baitulmal sukar dilaksanakan kerana kesulitan perjawatan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Majlis disaran supaya menyerahkan sebahagian hak agihan zakat kepada PKZP.

Kekurangan pegawai, kakitangan dan kepakaran adalah faktor utama yang dikenalpasti merencatkan urusan pengagihan zakat di negeri ini. Jika urusan agihan kepada asnaf tertentu diserahkan kepada PKZP, sebahagian tugas dan tanggungjawab unit ini dapat dikurangkan.

Secara umum, agihan zakat oleh PKZP tidak menimbulkan banyak masalah memandangkan imej dan reputasi baik yang dibuktikan oleh pusat itu semasa mengutip zakat harta.

Dengan ini, PKZP dapat melihat sendiri kesan kutipan zakat yang diusahakan selama ini. Pengalaman dan pandangan-pandangan daripada pengeluar zakat dapat digunakan untuk menjayakan kerja-kerja agihan yang berkesan. Situasi ini akan menambahkan keyakinan umum kepada PKZP.

c) Mewujudkan Unit Penyelidikan dan Perancangan

Bertujuan untuk meneliti, mengkaji dan merancang dasar, polisi dan kaedah-kaedah pengagihan zakat yang lebih berkesan. Agar matlamat dan tujuan pengagihan zakat kepada asnaf-asnaf khususnya fakir miskin tercapai.

Kekurangan pegawai, kakitangan dan kepakaran adalah faktor utama yang dikenalpasti merencatkan urusan pengagihan zakat di negeri ini. Jika urusan agihan kepada asnaf tertentu diserahkan kepada PKZP, sebahagian tugas dan tanggungjawab unit ini dapat dikurangkan.

Secara umum, agihan zakat oleh PKZP tidak menimbulkan banyak masalah memandangkan imej dan reputasi baik yang dibuktikan oleh pusat itu semasa mengutip zakat harta.

Dengan ini, PKZP dapat melihat sendiri kesan kutipan zakat yang diusahakan selama ini. Pengalaman dan pandangan-pandangan daripada pengeluar zakat dapat digunakan untuk menjayakan kerja-kerja agihan yang berkesan. Situasi ini akan menambahkan keyakinan umum kepada PKZP.

c) Mewujudkan Unit Penyelidikan dan Perancangan

Bertujuan untuk meneliti, mengkaji dan merancang dasar, polisi dan kaedah-kaedah pengagihan zakat yang lebih berkesan. Agar matlamat dan tujuan pengagihan zakat kepada asnaf-asnaf khususnya fakir miskin tercapai.

Ia juga bertujuan memastikan tidak berlaku lebihan wang zakat pada setiap tahun dalam keadaan perlaksanaan agihan yang belum sempurna. Peranan dan bidangkuasa unit ini termasuklah:

- i) Menyediakan data-data dan bantuan perangkaan asnaf yang lengkap dan menyeluruh. Majlis sewajarnya mempunyai rekod data-data dan perangkaan semua asnaf yang lengkap. Ini memudahkan Majlis untuk merangka program dan bentuk-bentuk agihan bantuan yang sesuai dan berkesan.

Data-data ini hendaklah sentiasa dikemaskini bagi mengelakkan berlaku penyelewengan semasa pengagihan. Data-data ini juga penting untuk membantu Majlis menilai dan menyemak semula semua perbelanjaan agar ia benar-benar berkesan.

- ii) Meneliti dan merancang pengagihan kepada fakir miskin dengan lebih berkesan. Fakir miskin merupakan asnaf utama dalam pengagihan zakat di mana peruntukannya hendaklah diberikan tumpuan. Usaha-usaha ke arah meninggikan taraf kehidupan mereka menerusi agihan zakat perlu dirancang.

Pelaburan dan penubuhan syarikat-syarikat perniagaan dan perkilangan yang dimiliki sepenuhnya oleh fakir miskin wajar diberikan pertimbangan serius. Untuk itu, data-data dan rekod bincian fakir miskin perlu dikemaskinikan. Agihan hendaklah diberikan di dalam tiga bentuk:

- 1) Saraan hidup, iaitu kepada mereka yang tidak mampu bekerja dan berusaha kerana cacat, uzur, tua dan sebagainya.
- 2) Kemahiran dan kepakaran, iaitu kepada mereka yang berpotensi mendapatkan pendedahan kemahiran dan kepakaran. Program dan kursus-kursus yang berkaitan hendaklah disediakan kepada mereka.
- 3) Modal perusahaan, iaitu kepada mereka yang mampu berusaha dan mempunyai kemahiran. Mereka juga hendaklah sentiasa dimotivasikan agar berjaya menjadi model di kalangan mereka dan masyarakat umumnya.

- iii) Meneliti dan memperkemaskan agihan peruntukan kepada asnaf-asnaf lain. Peruntukan kepada muallaf, *Riqāb*, *Gharimīn*, *Fi Sabīlillāh*, dan *Ibnu Sabīl* hendaklah diteliti dan dikaji semula. Agihan secara meluas dan terlalu umum hendaklah dihentikan sebaliknya ditumpukan kepada keperluan-keperluan yang lebih spesifik dan utama.

Amalan perbelanjaan mudah bagi asnaf *Fi Sabīlillāh* yang diamalkan sekarang hendaklah dikurangkan sebaliknya ditumpukan secara lebih berkesan kepada pengertian jihad. Ulama menyimpulkan bahawa peruntukan kepada *Fi Sabīlillāh* adalah untuk tujuan jihad, walaupun ada pendapat yang menyatakan ia merangkumi semua perkara kebaikan Syarak tetapi keutamaanya adalah terhadap keperluan jihad.

Walaupun jihad dalam erti kata mengangkat senjata menentang musuh telah tiada lagi pada masa ini, tetapi jika dihalusi pengertian jihad yang bertujuan untuk menegakkan agama Allah (s.w.t), maka perjuangan melalui kekuatan lisan dan pena di dalam pelbagai bentuk, adalah tersimpul di dalam maksud jihad.

Muhammad Rasyid Ridā di dalam kitab *Tafsīr al-Manār* berpendapat, agihan kepada orang-orang yang berusaha untuk mengembalikan syariat Allah ke dalam pemerintahan merupakan setinggi-tinggi jihad secara *lafzī*.

Agihan yang lain ialah kepada pendakwah-pendakwah dan mereka yang berusaha mempertahankan Islam melalui lidah dan pena apabila tidak dapat mempertahankannya melalui persenjataan. Dengan penerokaan perjuangan melalui lisan dan pena ini akan dapat mengelakkan penggunaan peruntukan *Fi Sabīlilāh* secara terlalu umum sepetimana yang diamalkan sekarang.

Skop perbelanjaan kepada muallaf juga hendaklah diperluaskan. Bukan sekadar untuk menjinakkan mereka kepada Islam. Malahan program-program untuk mempromosikan cara hidup Islam yang sebenar hendaklah dipergiatkan untuk menarik minat golongan bukan Islam terutama di kalangan golongan terpelajar. Sehubungan dengan itu, perbelanjaan yang bertujuan untuk memelihara keislaman golongan muallaf perlu dikekalkan malahan hendaklah sentiasa dikaji dan diteliti untuk memastikan keberkesanannya.

Konsep perbelanjaan kepada *Riqâb* bertujuan membebaskan manusia daripada semua bentuk perhambaan, secara fizikal atau spiritual. Oleh itu, walaupun pembebasan hamba secara zahir tidak lagi wujud tetapi pembebasan dalam bentuk fikiran, harta, kebebasan dari kezaliman pemerintah dan lain-lain kongkongan hidup yang meletakkan manusia tidak merdeka di dalam erti kata sebenarnya hendaklah dijalankan.

Agihan kepada *Ghârimîn* hendaklah lebih meluas terutama mereka yang terpaksa berhutang untuk keperluan asas seperti makan minum, pendidikan dan perubatan. Agihan kepada mereka bertujuan melepaskan daripada beban hutang, di mana mereka berhutang di dalam aspek-aspek yang diizinkan oleh Syarak.

Manakala tujuan agihan zakat kepada *Ibnu Sabîl* ialah untuk mereka meneruskan perjalanan atau bagi mencapai matlamat musafir. Pemberian adalah dalam bentuk keperluan perjalanan seperti makanan, pakaian, tambang dan lain-lain keperluan.

Oleh itu, agihan kepada asnaf ini hendaklah dikembangkan kerana di negeri Pahang pelajar yang perlu dibantu membiayai tambang khususnya mereka yang ingin belajar ke luar negara adalah ramai.

Pendek kata, bantuan dan agihan kepada asnaf-asnaf *Riqâb*, *Ghârimîn* dan *Ibnu Sabil* adalah untuk melepaskan mereka daripada kesulitan manakala agihan kepada *Fi Sabîlillâh* mengutamakan program-program kemajuan dan penegakan Islam seperti berdakwah dan usaha-usaha untuk mengembalikan Syariat Islam di dalam kehidupan.

6.2.3 SISTEM PENGAWASAN

a) Menubuhkan Jabatan al-Hisbah

Jabatan al-Hisbah perlu diwujudkan bagi memantau semua urusan pentadbiran zakat. Ia bertujuan mengelakkan daripada sebarang penyelewengan samada di peringkat pengurusan, kutipan dan pengagihan.

Jabatan ini merupakan badan bebas yang boleh bertindak ke atas sebarang bentuk penyelewengan di semua peringkat pengurusan untuk di bawa ke muka pengadilan.

b) Menggubal dan meminda undang-undang

Peruntukan mengenai zakat hendaklah seragam dengan undang-undang mengenai cukai pendapatan, termasuklah:

- i) Kewajipan individu membayar Sakata
- ii) Mewajibkan laporan penyata harta atau penyata pendapatan tahunan bagi setiap individu Islam untuk dibuat taksiran zakat. Sebarang keengkaran boleh dikenakan tindakan undang-undang.
- iii) Majlis berkuasa bertindak untuk memeriksa dan menilai setiap harta yang dimiliki oleh individu Islam, jika perlu. Ini bererti tafsiran seksyen 172 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 hendaklah diperluas dan dikuatkuasakan.

Sehubungan dengan itu, aplikasi Seksyen 6A Akta Cukai Pendapatan 1987 yang memberi rebat potongan kepada mana-mana individu yang membayar Sakata hendaklah diperluaskan skop pemakaianyamerangkumi cukai yang dibayar oleh syarikat. Paling tidak membuka ruang kepada pihak-pihak yang terbabit memilih untuk membayar cukai atau zakat.

c) **Menggandakan kuatkuasa undang-undang**

Majlis mempunyai peruntukan undang-undang yang jelas mengenai kesalahan zakat melalui seksyen 171-174 Enakmen 1982. Walaupun pendekatan yang digunakan oleh Majlis untuk meningkatkan kutipan zakat sekarang adalah secara diplomasi, ia tidak bererti kuatkuasa undang-undang tidak boleh dijalankan. Oleh itu, setelah peruntukan zakat diseragamkan, Majlis hendaklah berusaha mencari jalan untuk menguatkuasakan peruntukan undang-undang tersebut.

1. Menggandakan peruntukan

Beberapa langkah tegas hendaklah diambil terhadap perlanggaran undang-undang antaranya:

1. Amaran awal terhadap kesalahan pertama.

2. Mengenakan denda dan hukuman yang sesuai mengikut keadaan tempat.
3. Menentang golongan yang enggan membayar zakat berdasarkan peruntukan undang-undang yang tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Syarak.

6.3 KESIMPULAN

Zakat merupakan sumber kewangan negara Islam. Selain dari menyuci kan harta dan jiwa pembayar zakat, institusi zakat yang diuruskan secara profesional akan muncul sebagai sumber pembiayaan utama bagi matlamat-matlamat kebijakan dan pembangunan ekonomi umat Islam.

Islam mengandungi elemen-elemen yang berkemampuan merubah masyarakat kerana ia tertegak bukan sekadar di atas satu set kepercayaan semata-mata tetapi berasaskan usaha gigih, daya juang, dinamik dan tiada batasan waktu, tempat dan peradaban manusia. Semuanya terkandung dalam al-Quran dan al-Hadith.

Perlaksanaan sistem pengurusan zakat di negeri Pahang masih berada di tahap yang rendah, walaupun aspek kutipan semakin baik dan menyerlah. Ini bererti jika diberikan tumpuan dan perhatian yang serius, mutu pengurusan zakat di negeri ini lambat laun dapat diperbaiki. Fungsi dan peranannya untuk membela golongan miskin dapat direalisasikan.

Di Pahang, selepas urusan kutipan zakat harta dijalankan sepenuhnya oleh PKZP pada tahun 1996, jumlah kutipan meningkat dengan mendadak. Ini memberi isyarat bahawa tumpuan penuh dan perhatian yang serius dalam bidang kutipan berjaya meningkatkan mutu dan hasil kerja. Jelas bahawa soal kepegawaian, kakitangan dan kepakaran sangat penting untuk membaikkan pengurusan zakat di negeri ini.

Berdasarkan hakikat inilah aspek agihan zakat yang dipertikaikan keberkesanannya, mampu diperbaiki jika bilangan pegawai, kakitangan dan kepakaran ditambah. Oleh itu, penulis menyeru dan mengajak semua pihak samada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, agar sama-sama mengambil inisiatif untuk memahami dan menghayati falsafah, konsep, pendekatan, objektif serta keberkesanannya sistem pembangunan ekonomi Islam dengan mengambil kira institusi zakat sebagai model.

Pemulihan pengurusan zakat di negeri ini sebenarnya sudah berada diambang kejayaan jika struktur organisasi dan kemampuan profesional Unit Zakat/ Baitulmal dipertingkatkan segera. Setelah zakat berjaya dikutip dengan banyaknya setiap tahun, pengurusan agihan zakat hendaklah dirancang, diteliti dan dilaksanakan dengan cermat.

Semua pihak hendaklah memberi kerjasama dalam pelbagai aspek dan bersungguh-sungguh menunaikan amanah dari Allah (s.w.t). Dengan komitmen yang jitu ini diharap dapat melahirkan sebuah masyarakat serta negara yang aman, makmur serta mendapat keberkatan dan pengampunan dari Allah (s.w.t).

Al-Mu'adhdh, Al-Qadhi, Al-Sayyid
Abdullah bin Abdurrahman Al-Misriyyah

Al-Badr, Al-Qadhi, Al-Sayyid

Al-Sayyid, Al-Qadhi, Al-Sayyid
Abdullah bin Abdurrahman Al-Misriyyah

Al-Sayyid, Al-Qadhi, Al-Sayyid
Abdullah bin Abdurrahman Al-Misriyyah, Cet. 13, Kaben

Al-'Ayni, Muhammad Muhibbin, Al-Sayyid
Sarkh Sulik al-Zuhuri, Iskandar

Al-'Asqafani, Ahmad bin 'Abdullah, Al-Sayyid
Abdurrahman

Al-'Asqafani, Ahmad bin 'Abdullah, Al-Sayyid
Abdurrahman

Al-'Asqafani, Ahmad bin 'Abdullah, Al-Sayyid
Abdurrahman